

Kekalahan BN di sembilan kerusi perlu post-mortem

UM - 21/5/2006

Oleh ZULKIFLI JALIL



ABDUL Taib Mahmud memotong kek hari lahirnya selepas Barisan Nasional Sarawak memenangi pilihan raya ke-9 Sarawak malam tadi. - Gambar Zaini Husin

DAP juga menguar-uarkan penjelasan diberikan oleh kerajaan untuk menaikkan harga bahan bakar yang didakwa mereka langsung 'tidak dapat diterima'.

Menurut pemerhati, kemenangan DAP mungkin ada kaitan dengan kempen agresif parti tersebut selain sebilangan calon pencabar mereka yang 'kurang disenangi' penduduk.

"Pengundi menyokong BN tetapi berlaku 'sedikit perubahan' sebaik sahaja penamaan calon selesai.

Utuh

"Antaranya, penyandang sebelum ini masih disukai pengundi tetapi apabila ditukar kepada orang lain, penduduk sukar menerima," kata pemerhati.

Di Kidurong pula, pengaruh DAP dikatakan masih utuh dan bandar Bintulu Rabu lalu menyaksikan para penyokong dan petugas parti itu bersekat-sesak memenuhi jalan raya di situ dengan sepanduk dan bendera mereka.

Di Padungan, kekalahan calon BN, Lili Yong Lee Lee di tangan Parti Keadilan Rakyat (PKR) dipercayai ada kaitan dengan populariti pencabarnya, Dominique Ng

Kim Ho yang menyertai PKR dari DAP.

Kemenangan Dominique juga suatu 'kemenangan moral' kepada PKR yang belum pernah memenangi sebarang kerusi sejak bertanding pada pilihan raya 2001.

Kali ini, PKR meletakkan calon di 25 kerusi.

Di Ngemah, Gabriel Adit mungkin berjaya 'menyesuaikan dirinya' dengan bertanding tiket bebas setelah menewaskan calon BN di situ.

Adit sebelum itu merupakan Naib Presiden Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) dan penyandang kerusi Ngemah. Tetapi setelah PBDS dibatalkan pendaftarannya oleh Pendaftar Pertubuhan (ROS) kerana krisis dalaman parti itu, beliau memilih menyertai SPDP, dengan harapan untuk dipilih semula sebagai calon BN mempertahankan kerusi tersebut.

Namun, BN menolaknya kerana berpendirian kerusi itu harus diberikan kepada PRS selaku pengganti PBDS.

Atas sebab itu, Adit keluar dari SPDP dan menjaja diri 'kamik masih orang BN'.

Begitu pun Selasa lalu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dengan tegas menolak

Fakta pilihan raya Sarawak

- BN - 62 kerusi
- DAP - 6
- Parti Keadilan Rakyat (PKR) - 1
- Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) - 1
- Bebas - 1
- Hilang wang pertaruhan - 12 calon Bebas, 3 calon PKR dan 6 dari SNAP
- Majoriti undi terbesar - Datuk Seri Mohammad Ali Mahmud (BN-PBB) 6,327 undi (N.15 Muara Tuang). Mohammad adalah adik kepada Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud
- Majoriti undi terendah - Dr. Wahbi Junaidi (BN-PBB) 94 undi (N.30 Saribas)
- Jumlah pengundi - 892,537 orang
- Peratusan keluar mengundi - 63.22 peratus

sebarang penyertaan wakil rakyat bebas ke dalam BN jika mereka menang pada pilihan raya Sarawak.

"Ia bertentangan dengan dasar BN, ketika ini pun ada Ahli Parlimen bebas yang berhasrat menyertai BN tetapi kita tidak terima," kata Timbalan Pengerusi BN itu.

Apa pun, kehilangan sembilan kerusi perlu diambil iktibar oleh BN Sarawak. Tiada ertinya sembilan kerusi baru diperuntukkan kali ini dari persempadanan semula kawasan pilihan raya tetapi BN terlepas sembilan yang lain.

Peristiwa "Ming Court" pada 1987 mungkin masih dalam ingatan penduduk Sarawak. Ketika itu, BN Sarawak diketuai Abdul Taib kehilangan 20 daripada 48 kerusi yang dipertandingkan akibat tentangan "Kumpulan Maju" pimpinan Abdul Rahman Yaakub.

"Ming Court" seakan-akan berulang dan ia menuntut satu bedah siasat (post-mortem) yang terperinci bagaimana SUPP boleh hilang mudah lapan kerusi dan PRS satu kerusi. Dan lebih menghairankan kesemua kekalahan itu di kawasan majoriti pengundi Cina.